



22 Ogos 2017
22 August 2017
P.U. (A) 240

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PELANCONGAN
(PENGEQUALIAN) 2017

*TOURISM TAX (EXEMPTION)
ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PELANCONGAN 2017

PERINTAH CUKAI PELANCONGAN (PENGECUALIAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 9 Akta Cukai Pelancongan 2017 [*Akta 791*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pelancongan (Pengecualian) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 23 Ogos 2017.

Pengecualian daripada pembayaran cukai pelancongan

2. Pelancong yang berikut dikecualikan daripada pembayaran keseluruhan cukai pelancongan:

(a) pelancong yang merupakan warganegara Malaysia; dan

(b) pelancong yang merupakan pemastautin tetap Malaysia.

Pengecualian daripada pemungutan cukai pelancongan dan pendaftaran

3. Pengendali yang berikut dikecualikan daripada memungut keseluruhan cukai pelancongan dan kehendak untuk mendaftar di bawah Bahagian IV Akta:

(a) pengendali yang mengendalikan *homestay* di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia sebagaimana yang ditentukan oleh menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pelancongan, dan berdaftar dengan kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pelancongan;

(b) pengendali yang mengendalikan *kampungstay* di bawah Program Visit My Kampung: Kampungstay sebagaimana yang ditentukan oleh menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pelancongan, dan

berdaftar dengan kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pelancongan;

- (c) Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau institusi pengajian tinggi swasta yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] yang mengendalikan premis penginapan sebagai kemudahan bagi mana-mana orang bagi maksud pendidikan, latihan atau kebajikan;
- (d) majikan yang mengendalikan premis penginapan sebagai kemudahan bagi pekerjanya;
- (e) badan keagamaan atau kebajikan sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, yang mengendalikan premis penginapan bagi maksud aktiviti keagamaan atau kebajikan dan bukan bagi maksud komersial dan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang mengawal selia badan itu; dan
- (f) pengendali yang mengendalikan premis penginapan yang mempunyai empat bilik penginapan atau kurang.

Dibuat 21 Ogos 2017

[SULIT.KE.HF(152)860/01-Klt.2(32);Perb.R0.3865/356/1JLD.16(SK.5)A; PN(PU2)745]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

TOURISM TAX ACT 2017

TOURISM TAX (EXEMPTION) ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by section 9 of the Tourism Tax Act 2017 [Act 791], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Tourism Tax (Exemption) Order 2017**.
- (2) This Order comes into operation on 23 August 2017.

Exemption from payment of tourism tax

2. The following tourists are exempted from the payment of the whole of tourism tax:
 - (a) a tourist who is a Malaysian national; and
 - (b) a tourist who is a permanent resident of Malaysia.

Exemption from collecting tourism tax and registration

3. The following operators are exempted from collecting the whole of tourism tax and the requirement to register under Part IV of the Act:
 - (a) an operator operating a homestay under the Pengalaman Homestay Malaysia Programme as determined by the minister charged with the responsibility for tourism, and is registered with the ministry charged with the responsibility for tourism;
 - (b) an operator operating a *kampungstay* under the Visit My Kampung Programme: Kampungstay as determined by the minister charged with the responsibility for tourism, and is registered with the ministry charged with the responsibility for tourism;

- (c) the Federal Government, State Government, statutory body, local authority or private higher educational institutions registered under the Private Higher Educational Institutions Act 1996 [Act 555] operating accommodation premises as a facility to any person for educational, training or welfare purposes;
- (d) an employee operating accommodation premises as a facility to his employees;
- (e) a religious or welfare body as approved by the Minister, operating accommodation premises for the purpose of religious or welfare activities and not for commercial purpose and registered with the Registrar of Societies Malaysia or under any written law governing such body; and
- (f) an operator operating accommodation premises having four accommodation rooms or less.

Made 21 August 2017

[SULIT.KE.HF(152)860/01-Klt.2(32);Perb.R0.3865/356/1JLD.16(SK.5)A; PN(PU2)745]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance